

2

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU  
DENGAN KERJASAMA  
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000**

**TINGKATAN: SATU / DUA / EMPAT**

**JAWAPAN: SOALAN OBJEKTIF DAN SKEMA JAWAPAN**

<b>KOD MATA PELAJARAN :</b>	<b>1103/1</b>
<b>MATA PELAJARAN :</b>	<b>BAHASA MELAYU 1</b>
<b>KERTAS :</b>	<b>1</b>

*Jawapn objektif*

<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>
1.		17.		33.		49.		65.	
2.		18.		34.		50.		66.	
3.		19.		35.		51.		67.	
4.		20.		36.		52.		68.	
5.		21.		37.		53.		69.	
6.		22.		38.		54.		70.	
7.		23.		39.		55.		71.	
8.		24.		40.		56.		72.	
9.		25.		41.		57.		73.	
10.		26.		42.		58.		74.	
11.		27.		43.		59.		75.	
12.		28.		44.		60.		76.	
13.		29.		45.		61.		77.	
14.		30.		46.		62.		78.	
15.		31.		47.		63.		79.	
16.		32.		48.		64.		80.	

## GARIS PANDUAN PEMERIKSA

### A. Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan dengan cara *impression*
2. Isi dikehendaki minimum **TIGA** isi penting
3. Jika Karangan:
  - a. kurang daripada 350 perkataan, periksa ikut *impression*
  - b. terlalu panjang - lebih daripada 350 perkataan, periksalah seperti biasa hingga ke akhir karangan.

### B. Peringkat markah karangan:

Peringkat	Markah	Ciri-ciri Karangan
A	80 - 100	<ol style="list-style-type: none"><li>a). Takrif karangan : tepat sekali</li><li>b). Fikiran : sungguh matang</li><li>c). Isi : cukup dan berkembang</li><li>d). Bahasa : sangat memuaskan dan lancar</li><li>e). Pengolahan : istimewa / sangat menarik dan sungguh berkesan</li><li>f). Tatabahasa : terdapat kesalahan-kesalahan yang tidak ketara</li><li>g). Struktur ayat : terdapat keragaman yang berbagai-bagai</li><li>h). kosa kata : sangat luas dan tepat penggunaannya</li><li>I). Pemerenggan : wacana betul dan tepat</li><li>j). Tanda baca : betul dan tepat</li></ol>
B1	70 - 79	<ol style="list-style-type: none"><li>a). Takrif karangan : tepat sekali</li><li>b). Fikiran : matang</li><li>c). Isi : cukup dan berkembang</li><li>d). Bahasa : memuaskan dan lancar</li><li>e). Pengolahan : menarik dan sungguh berkesan</li><li>f). Tatabahasa : terdapat kesalahan-kesalahan ringan</li><li>g). Struktur ayat : terdapat keragaman yang berbagai-bagai</li><li>h). kosa kata : masih luas dan tepat penggunaannya</li><li>I). Pemerenggan : wacana betul dan tepat</li><li>j). Tanda baca : betul dan tepat</li></ol>
B2	60 - 69	<ol style="list-style-type: none"><li>a). Takrif karangan : tepat sekali</li><li>b). Fikiran : masih matang</li><li>c). Isi : cukup dan masih berkembang</li><li>d). Bahasa : masih memuaskan dan lancar</li><li>e). Pengolahan : masih menarik dan berkesan</li><li>f). Tatabahasa : terdapat beberapa kesalahan yang ringan</li><li>g). Struktur ayat : masih terdapat keragaman yang berbagai-bagai</li><li>h). kosa kata : masih luas dan tepat penggunaannya</li><li>I). Pemerenggan : wacana betul dan tepat</li><li>j). Tanda baca : betul dan tepat</li></ol>

C1	50 - 59	<p>a). Takrif karangan : tepat sekali</p> <p>b). Fikiran : sungguh matang</p> <p>c). Isi : cukup dan berkembang</p> <p>d). Bahasa : masih memuaskan tetapi kurang lancar</p> <p>e). Pengolahan : memuaskan / sederhana tetapi kurang menarik</p> <p>f). Tatabahasa : terdapat kesalahan-kesalahan yang tidak ketara</p> <p>g). Struktur ayat : terdapat keragaman yang berbagai-bagai</p> <p>h). kosa kata : sangat luas dan tepat penggunaannya</p> <p>I). Pemerenggan : wacana betul dan tepat</p> <p>j). Tanda baca : betul dan tepat</p>
C2	40 - 49	<p>a). Takrif karangan : tepat / masih sekali / kurang tepat</p> <p>b). Fikiran : tidak matang</p> <p>c). Isi : cukup / kurang / campur aduk dengan yang tidak cocok.</p> <p>d). Bahasa : tidak memuaskan dan tidak lancar</p> <p>e). Pengolahan : kurang memuaskan dan tidak menarik</p> <p>f). Tatabahasa : banyak kesalahan yang dilakukan</p> <p>g). Struktur ayat : keragaman sangat kurang</p> <p>h). kosa kata : terhad dan mudah serta banyak penggunaan yang salah</p> <p>I). Pemerenggan : wacana masih betul / campur aduk</p> <p>j). Tanda baca : masih betul / campur aduk</p>
D	26 - 39	<p>a). Takrif karangan : tepat / kurang tepat / tidak difahami</p> <p>b). Fikiran : kurang matang / tidak matang</p> <p>c). Isi : cukup / kurang / campur aduk dengan yang tidak cocok / tidak jelas</p> <p>d). Bahasa : lemah dan tidak lancar</p> <p>e). Pengolahan : tidak memuaskan / lemah dan tidak menarik</p> <p>f). Tatabahasa : banyak kesalahan sehingga sukar difahami</p> <p>g). Struktur ayat : terhad dan tiada keragamannya</p> <p>h). kosa kata : kurang dan banyak yang tidak tepat penggunaannya</p> <p>I). Pemerenggan : masih betul / lemah / campur aduk</p> <p>j). Tanda baca : bercampur aduk dengan yang salah.</p>
E	1 - 25	<p>a). Keseluruhan karangan : menggambarkan penggunaan bahasa yang tidak cekap / sangat lemah</p> <p>b) Isi : tidak jelas / kabur dan sukar difahami</p>
Karangan terpesong isi	Markah daripada 40	Markah dipertimbangkan dari segi bahasa sahaja.
CATATAN TAMBAHAN		<p>a) C1 / B2 (Bawah) - karangan yang baik dari segi bahasa tetapi kurang isi</p> <p>b) Karangan pendek :</p> <p>i. D (26-39) Perkataan 200 ke bawah, bahasa kurang lancar</p> <p>ii. Maksimum C2 jika bahasanya baik</p> <p>iii. Perkataan 201-349, Maksimum C1 jika bahasanya baik</p>

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN 4 (2000)  
BAHASA MELAYU I**

**GARIS PANDUAN KEPADA PEMERIKSA**

**A. Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan dengan cara 'impression'
2. Isi – dikehendaki minimum **TIGA** isi penting
3. Jika karangan
  - (a) **Kurang** daripada 350 perkataan, periksa ikut impression
  - (b) **Terlalu panjang** – lebih daripada 350 perkataan, periksalah seperti biasa hingga ke akhir karangan.

**B. Panduan jawapan bagi tiap-tiap soalan :**

Isi-isi bagi setiap soalan hanya merupakan panduan kepada pemeriksa.

Jika timbul keraguan, sila hubungi Panel Penggubal Soalan.

**Soalan 1**

**(a) Format : Tiada**

**(b) Diharapkan :**

Calon dapat membincangkan sumbangan pusat pendidikan tinggi swasta ke arah melahirkan masyarakat berpendidikan.

**(c) Kemungkinan :**

- i. Calon membincangkan sumbangan pusat pendidikan tinggi swasta dan pusat pendidikan tinggi awan – diterima, maksimum **C2**
- ii. Calon membincangkan sumbangan pusat pendidikan tinggi awam sahaja – terpesong ini, maksimum **40** markah sahaja.

**Soalan 2**

**(a) Format : Ceramah**

4 markah dipotong jika tiada

- |                                       |            |
|---------------------------------------|------------|
| - menghadap majlis                    | - 2 markah |
| - tuan-tuan dan puan-puan ditengahnya | - 1 markah |
| - penutup                             | - 1 markah |

**(b) Diharapkan :**

Calon dapat membincangkan sebab-sebab pelajar melanggar disiplin serta mengutarakan langkah-langkah untuk membendung Budaya Samseng di Sekolah.

**(c) Kemungkinan :**

- i. Calon membincangkan contoh-contoh pelajar melanggar disiplin tanpa memberi langkah-langkah untuk membendungnya – terpesong isi, maksimum 40 markah sahaja.

**Soalan 3**

**(a) Format : Tiada**

**(b) Diharapkan :**

Calon dapat menyatakan usaha-usaha yang perlu di buat untuk membantu golongan warga tua.

**(c) Kemungkinan :**

- i. Calon menceritakan sebab-sebab mengapa golongan warga tua perlu dibantu – terpesong isi, maksimum 40 markah.
- ii. Calon menyatakan sebab-sebab mengapa golongan warga tua perlu dibantu dan usaha-usaha membantu golongan ini – diterima.

**Soalan 4**

**(a) Format : Temuramah / wawancara**

4 markah dipotong jika tiada Format

- Tajuk / pengenalan Wawancara - 2 markah
- Bentuk dialog - 2 markah

Maksimum potongan 4 markah sahaja

**(b) Diharapkan :**

Calon dapat menulis sebuah wawancara dengan Pegawai MIMOS tentang kebaikan dan keburukan penggunaan internet di negara kita.

**(c) Kemungkinan :**

- i. Kedua-dua bahagian tidak seimbang – diterima
- ii. Calon menulis satu bahagian sahaja – diterima maksimum B2.

**Soalan 5**

**(a) Format : Surat Kiriman Tidak Rasmi**

4 markah dipotong jika tiada Format

Markah dipotong jika tiada.

- alamat - 1 markah
- tarikh - 1 markah
- menghadap surat - 1 markah

- panggilan hormat - 1 markah
- perenggan - 1 markah
- penutup - 1 markah
- tanda tangan - 1 markah

Maksimum potongan 4 markah sahaja

Jika calon menulis Format Surat Kiriman Rasmi, potong 4 markah

Campur aduk Format Surat Kiriman Tidak Rasmi dan Rasmi, potong 2 markah

**(b) Diharapkan :**

Calon dapat menceritakan bagaimana rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

**(c) Kemungkinan :**

- i. Calon mengutus surat dan menceritakan perkara tersebut kepada rakan yang berada di dalam negeri (Malaysia) – diterima.

**Soalan 6**

**(a) Format : Ulasan**

4 markah dipotong jika tiada

- Judul buku - 2 markah
- Pengarang - 2 markah
- Penerbit - 1 markah
- Ketebalan - 1 markah
- Pengulas - 2 markah

Maksimum potong 4 markah sahaja

**(b) Diharapkan :**

Calon dapat menulis atau membuat ulasan tentang pelbagai unsur pengajaran yang terdapat di dalam novel yang dibaca.

**(c) Kemungkinan :**

- i. Calon hanya menulis sinopsis cerita / novel sahaja – terpesong isi, maksimum 40 markah sahaja.
- ii. Calon menulis pelbagai unsur pengajaran berdasarkan cerpen yang dibaca – diterima, maksimum B2

Disediakan oleh :

Panel Penggubal Soalan  
Tahun 2000